

Pesaka arah bentuk skuad remaja

B. Harlan (M)

16 SEP 1989

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengarahkan ahli gabungan membentuk skuad silat remaja bagi membolehkan mereka dipilih mewakili negara ke Kejuaraan Remaja Dunia di Bali, tahun depan.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata persediaan awal itu bertujuan membolehkan negara membentuk skuad mantap dan mencabar pada kejuaraan itu.

Katanya, Pesaka bercadang mengadakan Kejuaraan Silat Remaja, awal tahun depan bagi memilih pesilat ke kejuaraan itu.

Ita mungkin diadakan serentak dengan Kejuaraan Silat Kebangsaan, di Ipoh.

Kejuaraan Remaja Dunia itu kali pertama diadakan. Ia bertujuan mendedahkan pesilat remaja berusia dari 14 hingga 17 tahun.

Sulaiman berkata, Pesaka sudah diberitahu oleh Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) mengenai perkara itu. Ia turut dibincangkan dalam mesyuarat di Kuala Lumpur, ketika Sukan SEA XV lalu.

Katanya, ahli-ahli gabungan perlu berusaha menarik minat pelajar-pelajar sekolah bagi tujuan itu.

Selain itu, kata Sulaiman, Pesaka bercadang berbincang dengan Kementerian Pendidikan bagi membolehkan silat olahraga menjadi satu sukan yang diiktiraf oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM).

"Dengan pengiktirafan itu, silat akan menjadi salah satu kokurikulum di sekolah dan secara tidak langsung, dapat mencungkil bakat baru sebagai pelapis skuad kebangsaan," katanya.

Pesaka perlu kuat berusaha

B. Harlan (M)
26 SEP 1989

MAJLIS Sukan Negara (MSN) meminta Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) berusaha mengembangkan silat ke Filipina agar sukan itu dapat dipertandingkan pada Sukan SEA XVI, di Manila 1991, lapor MOHD RAHIME YUSOF.

Usaha itu perlu kerana Malaysia turut mengharapkan sukan itu dipertandingkan kerana ia menjadi kekuatan negara di segi pungutan pingat emas.

Timbalan Ketua Pengarah MSN, Mazlan Ahmad, berkata tanpa silat olahraga, kontinjen negara akan kehilangan sekurang-kurang empat pingat emas di Manila nanti.

Berikutan itu, katanya Pesaka perlu mengambil jalan tengah bagi mengembangkan silat ke Filipina, sebelum Jawatankuasa Pengajar Sukan SEA XVI bermesyuarat di Manila, Disember ini.

"Saya tidak mahu Pesaka berdiam diri dalam hal ini. Silat olahraga adalah perlu pada Sukan SEA di Manila bagi memastikan negara mengekalkan kecemerlangan, bulan lalu," kata beliau sebelum berlepas ke Jerman Timur, kelmarin.